

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SAW210 - Sosiologi Industri

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan Bahagian A **WAJIB** dijawab dan pilih **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (Soalan **WAJIB**)

1. Sektor Perkhidmatan (Service Sector) merupakan sektor yang semakin penting dalam ekonomi Malaysia.
  - (i) Apakah faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan sektor perkhidmatan ini?
  - (ii) Huraikan masalah kesihatan dan keselamatan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di dalam sektor perkhidmatan tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai di Malaysia.
  - (iii) Apakah pelbagai bentuk Perhubungan Industri yang paling sesuai bagi pekerja-pekerja dalam berbagai jenis perkhidmatan ini?

(40 markah)

Bahagian B (Jawab **DUA (2)** soalan sahaja)

2. "Pengswastan (privatisation) telah dijalankan bagi mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan serta meningkatkan prestasi perkhidmatan kepada masyarakat". Sejauhmanakah kenyataan ini benar?

Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, beri analisis anda mengenai pengswastan sejak kebelakangan ini dan kesan-kesannya ke atas:

- (a) perkhidmatan sosial kepada masyarakat
- (b) kos penghidupan
- (c) jurang perbezaan dari segi pendapatan dan kekayaan
- (d) keberkesanan kesatuan sekerja untuk membela nasib pekerja

(30 markah)

3. Perhubungan Industri melibatkan tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja. Beri analisis anda mengenai Perhubungan Industri ketiga-tiga pihak ini sejak 1970an sehingga kini.

(30 markah)

4. Kesatuan Dalaman (In-house Union) merupakan kesatuan yang digalakkan oleh kerajaan sejak tahun tujuh puluhan. Terangkan sejarah perkembangan Kesatuan Dalaman dan apakah perbezaan Kesatuan Dalaman dengan kesatuan lain.

Berasaskan filem "We are Driven", huraikan kekuatan dan kelemahan Kesatuan Dalaman ini.

(30 markah)

5. Pelancongan dan Penghotelan memainkan peranan penting sejak dekad lalu di dalam memberi pekerjaan dan pendapatan kasar negara (gross national income). Pekerja wanita merupakan sumber manusia yang penting di dalam bidang penghotelan ini dan juga di dalam industri-industri lain seperti elektroniks dan tekstail. Huraikan penyertaan wanita dalam industri-industri tersebut dan permasalahan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja yang mereka hadapi di dalam industri-industri ini.

(30 markah)